

Baca setiap ayat di bawah dengan teliti, kemudian tulis **pola ayat** bagi setiap ayat di bawah sama ada Frasa Nama + Frasa Nama (FN+FN), Frasa Nama + Frasa Kerja (FN+FK), Frasa Nama + Frasa Adjektif (FN+FA), Frasa Nama + Frasa Sendi Nama (FN+FS).

1. Gelang emas yang dihadiahkan kepada isterinya itu cantik sungguh.
Jawapan:
2. Buah durian di belakang rumah Pak Lazim sudah gugur.
Jawapan:
3. Semua perkakas di dalam bilik darjah sekolah kami daripada kayu jati.
Jawapan:
4. Penyanyi muda yang berkasut kulit buatan Itali itu adik Mat Rashid.
Jawapan:
5. Bangunan kelab sukan di penjuru jalan itu sudah usang benar.
Jawapan:
6. Dua sisir sikat rambut di almari telah dibeli oleh kakak Gopal.
Jawapan:
7. Pengawal peribadi menteri yang baru bersara itu dari kampung saya.
Jawapan:
8. Kayu pembaris kepunyaan abang Foo Ying dipinjamkan kepada cikgu.
Jawapan:
9. Kereta lama yang tidak boleh bergerak lagi kerana kehabisan minyak pelincir itu kepunyaan abang David.
Jawapan:
10. Umur batu penanda di jalan raya itu cukup tua.
Jawapan:
11. Lebah betina yang menyengat budak kecil itu akhirnya telah mati dipukul.
Jawapan:

12. Mereka ke kampung itu untuk melihat kambing jantan Pak Manaf yang berkaki lima.

Jawapan:

13. Penduduk rumah pangsa yang berhijrah ke bandar untuk mencari kerja kaum lelaki belaka.

Jawapan:

14. Jalan belakang rumah kampung yang gelap sentiasa itu ialah jalan mati.

Jawapan:

15. Yang bergotong-royong membersihkan kawasan pinggirannya orang Kampung Sentosa.

Jawapan: